KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	25.08.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM250822

Mayat lelaki dibaham buaya ketika memancing dijumpai

Semporna: Mayat Azman Tugau, lelaki yang dilaporkan dibaham buaya ketika memancing di Sungai Pegagau, dekat sini, Ahad lalu ditemukan oleh orang awam pada kira-kira jam 5 petang kelmarin.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sabah dalam satu kenyataan semalam memaklumkan mayat Azman, 35, ditemukan berhampiran lokasi dia dibaham reptilia itu.

"Pada jam 5.30 petang tadi Balai Bomba dan Penyelamat Atas Air Semporna menerima makluman daripada Ibu Pejabat Polis Semporna mayat mangsa ditemukan oleh orang awam. Berikutan itu, operasi mencari dan menyelamat mangsa ditamatkan," katanya.

Ahad lalu, Azman bersama sepupunya dilaporkan sedang memancing di penggir sungai berkenaan sebelum dia dibaham buaya pada jam 3 petang.

Sepupu mangsa yang menyaksikan kejadian terbabit berjaya melarikan diri dan melaporkan perkara itu kepada polis.